

KEW.PA-27

No. Sebut harga : JP/PS/(P)004/2021

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Bahagian Kesihatan Pergigian
Jabatan Kesihatan negeri Perlis
Aras 2, Kompleks Jabatan Kesihatan
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	KENDERAAN PERODUA RUSA 1.6L GX	WHE 5300	1	RM 1,000.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **27 April 2021** hingga **4 Mei 2021** di antara jam **9.00 pagi** hingga **5.00 petang** di **Klinik Pergigian Kangar**. Pegawai yang boleh dihubungi ialah Pn. Rosnah dan Pn. Mastura di talian 04-9773333 sambungan 3317 / 3313.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JP/PS/(P)004/2021** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Bahagian Kesihatan Pergigian
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Aras 2, Kompleks Jabatan Kesihatan
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis.

5. Tarikh tutup sebut harga pada **5 Mei 2021** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat : Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Aras 2,
Kompleks Jabatan Kesihatan, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis.

Tarikh : 26/4/2021

Cap : DR. HJH FAREHAH BINTI HJ OTHMAN
No. Pendaftaran MPM : 1685
Timbalan Pengerah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perlis**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan asset tersebut.

SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN SEBUT HARGA JABATAN

9. Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran walaupun kurang melebihi 70% daripada harga simpanan. Walaubagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya adalah tertakluk kepada nilai tawaran yang tertinggi dan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan.
10. Pembeli yang berjaya **bertanggungjawab**:-
 - a) Menanggalkan/memadam nama jabatan pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan;
 - b) Menanggalkan alat komunikasi GORN, alat takal penarik (*winch*) dan alat komponen lain (jika ada dan berkaitan) yang masih elok dan boleh digunakan lagi, serta menyerahkan jabatan sebelum membawa keluar kenderaan;
 - c) Mengurus dengan **segera** penukaran hak milik dan status kenderaan yang melibatkan pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta melapor status pelaksanaan kepada jabatan.
 - d) Segala urusan berkaitan akses dan cukai Kastam adalah ditanggung oleh pembeli yang berjaya sekiranya tidak mendapat pengecualian.
 - e) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 1 hingga 10 d)

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.